



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001  
Faks : 03-88892187  
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Pemenang  
Anugerah Perdana  
Teknologi  
Maklumat 2006

Ruj Kami : JPA.BK(S)223/9/3(16)

Tarikh : 12 Oktober 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan,

**PENENTUAN PENYELIA DI SETIAP PERINGKAT DI DALAM KEMENTERIAN DAN JABATAN BAGI TUJUAN KAWALAN DAN PENGAWASAN TATATERTIB**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Sepertimana tuan sedia maklum, di bawah peraturan 3C, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, [P.U.(A)395/1993] telah menyatakan bahawa adalah menjadi tugas setiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera bagi apa-apa pelanggaran disiplin. Perkara ini hendaklah diambil perhatian serius oleh semua penyelia di setiap peringkat sama ada di bahagian/cawangan/unit kementerian dan jabatan bagi memastikan usaha-usaha ke arah pemantapan keutuhan dan integriti penjawat awam dapat ditingkatkan di samping imej perkhidmatan awam akan kekal terpelihara.

3. Selaras dengan hasrat itu, maklumat lengkap senarai penyelia berserta pegawai bawahannya di setiap peringkat hendaklah diwujudkan bagi tujuan kawalan dan pengawasan tatatertib oleh pihak tuan. Maklumat tersebut juga hendaklah disimpan dan dikemas kini dari

semasa ke semasa sekiranya berlaku sebarang pertukaran pegawai dan sebagainya.


4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan hendaklah mengambil maklum dan memantau perkara ini, seterusnya mengingatkan semua pegawai di kementerian/jabatan supaya mematuhi peraturan yang ditetapkan. Jabatan ini ingin menekankan bahawa tindakan tatatertib hendaklah diambil ke atas mana-mana penyelia yang gagal menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib terhadap pegawai bawahannya, kerana boleh disifatkan sebagai cuai dalam melaksanakan tugas dan tidak bertanggungjawab, iaitu melanggar tatakelakuan pegawai awam selaras peraturan 4(2)(g) dan 4(2)(j), P.U.(A)395/1993 yang menyatakan seperti berikut:

“4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –

- (g) tidak bertanggungjawab; dan
- (j) cuai dalam menjalankan tugas-tugasnya”.

5. Di atas kerjasama tuan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.



( TAN SRI ABU BAKAR BIN ABDULLAH )

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

s.k.

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan